# PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS

Diwujudkan untuk memberi penghargaan, pengiktirafan dan penghormatan kepada warga emas yang telah berjasa kepada Negeri Pulau Pinang tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan fahaman politik.

## SYARAT KELAYAKAN

Berusia 60 tahun dan ke atas;Berdaftar sebagai pengundi di Negeri Pulau Pinang; dan Berdaftar dengan Kerajaan Negeri dalam tempoh 1 Mei 2009 sehingga 8 Mac 2010.

## KAEDAH PELAKSAAN

Pemberian Wang Tunai Sebanyak RM100
Warga emas yang telah berdaftar dengan Kerajaan Negeri dan memenuhi kriteria akan diberikan wang tunai sebanyak RM100 selepas tarikh akhir pendaftaran iaitu pada 8 Mac 2010.

Pemberian Sumbangan Wang Tunai sebanyak RM1,000 Kepada Keluarga Warga Emas Berdaftar Yang Meninggal Dunia Sekiranya warga emas yang berdaftar dan memenuhi kriteria kelayakan meninggal dunia (selepas 8 Mac 2010), sumbangan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM1,000 akan diberikan kepada keluarga anggota yang mengurus dan membiayai kos pengebumian warga emas berkenaan.

## MEKANISMA PENGUMPULAN DATA DASAR PENGHARGAAN WARGA EMAS NEGERI PULAU PINANG

PERINGKAT 1
Pendaftaran Warga Emas melalui pengisian borang.

PERINGKAT 2
Semakan dan pengesahan maklumat oleh Pusat Khidmat ADUN dan Pejabat Daerah dan Tanah (termasuk semakan dengan rekod Daftar Pengundi di Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya.
Memasukkan maklumat ke dalam sistem pangkalan data berkomputer

PERINGKAT 3
Pejabat Y.B Exco dan UPEN memantau maklumat / data dalam sistem komputer.